

DAHULU



KAMI ORANG ASLI

Walaupun kami menerima arus pembangunan, kami masih orang asli kerana



Kami bercakap dalam bahasa kami sendiri



Kami mengamalkan adat dan budaya yang diturunkan oleh nenek-moyang kami



Kami mengajar bahasa, adat dan budaya kami kepada anak-anak kami

SEKARANG



ISU:

Sesetengah orang asli menganggap pembangunan sebagai satu ancaman. Pendidikan dan cara hidup moden diragui akan menyebabkan pupusnya tradisi kehidupan, budaya dan identiti mereka.

Pesanan yang boleh disampaikan kepada orang asli oleh pelatih / fasilitator semasa menggunakan poster ini:

Orang asli boleh mempertahankan dan mengekalkan adat resam dan budaya mereka walaupun mereka menerima cara kehidupan moden. Ini adalah kerana identiti mereka bukan ditentukan oleh arus pembangunan, tetapi bagaimana mereka mengamalkan dan mengekalkan bahasa, adat dan budaya mereka.

Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Berkenaan Dengan Hak Orang Asal (UNDRIP) menyatakan:

Artikel 5: Orang Asal berhak untuk mempertahankan dan memperkukuhkan institusi politik, undang-undang, ekonomi, sosial dan budaya mereka yang tersendiri, pada masa yang sama mengekalkan hak mereka untuk terlibat sepenuhnya dalam bidang politik, ekonomi, kehidupan sosial dan budaya dalam negara yang didiami.

Artikel 11: Orang Asal berhak untuk mengamalkan dan menggiatkan semula tradisi budaya dan adat resam mereka. Ini termasuk hak untuk mempertahankan, melindungi dan membangunkan kesenian budaya masa lalu, kini dan masa depan.

Artikel 12: Orang Asal berhak untuk menonjol, mengamalkan, membangun dan mengajar tradisi kerohanian dan agama, adat resam dan upacara mereka. Mereka berhak untuk mengekalkan, melindungi, dan mempunyai akses ke atas tapak keagamaan dan budaya mereka tanpa diganggu. Mereka berhak untuk menggunakan dan mengawal objek dan peralatan upacara.

Artikel 13: Orang Asal berhak untuk menggiatkan semula, menggunakan, membangun dan menyampaikan sejarah, bahasa, tradisi lisan, falsafah, sistem penulisan dan kesusasteraan kepada generasi akan datang, dan untuk menama dan mempertahankan nama-nama komuniti, tempat dan orang perseorangan.

Artikel 14: Orang Asal berhak untuk membentuk dan mengawal sistem dan institusi pendidikan yang menyediakan pendidikan dalam bahasa Orang Asal, dengan cara mengajar dan belajar yang sesuai mengikut budaya Orang Asal.

Artikel 15: Orang Asal berhak ke atas martabat dan kepelbagaian budaya, tradisi, sejarah dan cita-cita. Kerajaan harus menggambarkan secara jelas hak ini dalam pendidikan dan maklumat awam.

Artikel 16(2): Kerajaan mesti mengambil langkah-langkah berkesan untuk memastikan bahawa media yang dimiliki kerajaan menggambarkan kepelbagaian budaya Orang Asal dengan sewajarnya. Kerajaan, tanpa prasangka, harus memastikan kebebasan ekspresi, dan mesti mendorong media swasta menggambarkan kepelbagaian budaya Orang Asal secukupnya.

Artikel 31: (1) Orang Asal mempunyai hak untuk mempertahankan, mengawal, melindungi dan membangunkan warisan kebudayaan, pengetahuan tradisi dan ekspresi kebudayaan tradisi mereka, di samping manifestasi sains, teknologi dan budaya Orang Asal, termasuk sumber manusia, genetik, benih, perubatan, pengetahuan berkenaan kekayaan flora dan fauna, tradisi lisan, kesusasteraan, rekabentuk, sukan dan permainan tradisi dan seni visual dan persembahan. Orang Asal juga berhak untuk mempertahankan, mengawal, melindungi dan membangunkan hartaintelek ke atas warisan kebudayaan, pengetahuan tradisi, dan ekspresi budaya tradisi tersebut. (2) Kerajaan mesti mengambil langkah-langkah berkesan untuk mengiktiraf dan melindungi amalan hak-hak ini.

Artikel 33: Orang Asal berhak untuk menentukan jati diri atau keahlian mereka sendiri selaras dengan adat resam dan tradisi mereka. Ini tidak akan menjejaskan hak mereka untuk memperoleh kewarganegaraan di negara mereka.

Artikel 34: Orang Asal berhak untuk mempromosi, membangun dan mempertahankan struktur institusi, adat resam, kerohanian, tradisi, tatacara, amalan mereka yang unik dan, jika wujud, sistem atau adat resam perundangan, selaras dengan piawai hak asasi manusia antarabangsa.